

| | | | |
|-------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Transformasi sumbang kejayaan negara Raja Nazrin | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 05 Dec 2012 | Language | Malay |
| Circulation | 197,952 | Readership | 833,287 |
| Section | Dlm Negeri | Color | Full Color |
| Page No | 3 | ArticleSize | 534 cm ² |
| AdValue | RM 10,554 | PR Value | RM 31,662 |
| | | | |



Transformasi sumbang kejayaan negara - Raja Nazrin

KUALA LUMPUR 4 Dis. - Keupayaan para pemimpin negara melaksanakan visi transformasi yang mereka perkenalkan, dilihat sebagai salah satu faktor yang akan menyumbang kepada kejayaan sesebuah negara.

Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah bertitah, transformasi merupakan peringkat tertinggi dalam proses perubahan dan sesuatu perkara yang mengalami proses transformasi tidak lagi sama dengan keadaan asalnya.

“Transformasi bukan hanya sekadar melakukan perubahan kecil. Beta tahu istilah ‘transformasi’ sangat popular kebelakangan ini malah perkataan itu terlalu kerap disebut.

“Individu yang bersikap praktikal dalam kalangan kita turut mempersoalkan sama ada segala cabaran yang dihadapi dapat ditangani oleh entiti, institusi dan mekanisme sedia ada? Jika tidak, apakah bentuk perubahan yang diperlukan?” titah baginda pada Persidangan Antarabangsa Tentang Pengajian Antarabangsa (ICIS) Ke-4 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Can-

selor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

Persidangan dua hari bermula hari ini itu dibahagikan kepada 18 sesi panel yang dianggotai oleh

90 ahli panel mewakili pelbagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan dan universiti-universiti dari negara lain seperti Indonesia, Austria, Jerman, Amerika Syarikat (AS), China, Filipina, Thailand, Singapura, Slovakia, Mexico, Australia, India, Iran, Jordan dan Poland.

Titah Raja Nazrin, kejayaan sesebuah negara juga bergantung pada sikap toleransi rakyatnya dan kemampuan pemimpin menangani pelbagai pandangan serta kepentingan yang diketengahkan oleh kelompok-kelompok masyarakat berbeza.

Berhubung cabaran global yang dihadapi di seluruh dunia, baginda bertitah, pelaksanaan dasar pintu terbuka memberi banyak manfaat kepada banyak negara, namun dasar itu ada kelemahannya.

“Liberalisasi ekonomi membo-

lehkan aliran modal ke seluruh dunia, sekali gus menyumbang kepada pembangunan dan mengurangkan kadar kemiskinan. China merupakan salah satu contoh.

“Bagaimanapun, aliran modal terdedah kepada ketidakpastian dan negara-negara penerima akan menghadapi masalah aliran masuk serta keluar yang mendadak,” titah baginda.

Titah Raja Nazrin, masyarakat dunia juga tidak dapat lari daripada cabaran seperti dominasi kuasa-kuasa besar, peralihan kuasa, hak asasi manusia, kemiskinan, konflik, keganasan, senjata nuklear, jenayah antarabangsa, pandemik dan kesan perubahan iklim serta kemerosotan kualiti alam sekitar.

Selain itu, titah baginda, tadbir urus yang baik bermula dengan pemerolehan, pengagihan dan penggunaan kuasa yang sah.

Raja Nazrin bertitah, kepercayaan dan keyakinan terhadap sistem sedia ada akan terhakis sekiranya timbul keraguan yang serius terhadap proses tersebut.

| | | | |
|-------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Transformasi sumbang kejayaan negara Raja Nazrin | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 05 Dec 2012 | Language | Malay |
| Circulation | 197,952 | Readership | 833,287 |
| Section | Dlm Negeri | Color | Full Color |
| Page No | 3 | ArticleSize | 534 cm ² |
| AdValue | RM 10,554 | PR Value | RM 31,662 |
| | | | |

